


# Jendela

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

BIL. 2/3 OGOS/DIS. 1990



---

TERHAD UNTUK EDARAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN SAHAJA.

# SEKAPUR SIRIH

Salam sejahtera dan selamat bertemu lagi kepada semua pembaca JENDELA yang budiman. JENDELA memohon maaf atas penangguhan isu bulan Ogos lepas. Kali ini JENDELA tampil dengan isu-isu yang lebih menarik.

Jangan lupa mengambil bahagian dalam Peraduan "Menguji Pengetahuan Anda" sempena tahun ke-21 Perpustakaan Universiti Sains Malaysia ditubuhkan.

JENDELA merakamkan penghargaan kepada Lillian Woon atas sumbangannya semasa menganggotai Sidang Pengarang JENDELA. JENDELA mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau.

Sidang Pengarang JENDELA mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru 1991. Semoga ia memberi kejayaan kepada semua. JENDELA juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Encik Lim Chee Hong di atas perlantikan beliau sebagai Ketua Pustakawan mulai November 1990.

Semoga di bawah kepimpinan Encik Lim, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia akan bertambah maju lagi.

## KANDUNGAN

Wawancara .....	3
Rencana.....	5
Peraduan.....	8
Hal-ehwal kakitangan.....	10
Sumber ilham.....	12
Berita ASTAKA.....	17
Humor.....	18
Ucapan.....	19

## SIDANG PENGARANG

Amin Razip Hassan (*Ketua Pengarang*)  
Akhiar Salleh  
Aznan Omar  
Boey Fook Loong  
Mary Vergis  
Norma Bahri  
Sakinah Che Embi  
Lim Chee Hong (*Penasihat*)

### *Penghargaan kepada*

Rosni Habib (*Pembantu Khas*)  
S. Kirubanathan (*Grafik*)  
Ismail Abu (*Pencetak*)  
Kamaruddin Bidin (*Pencetak*)

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
(PUSMA)

*Musim demi musim  
Usiamu remaja bersama keharuman  
Bunga-bunga Krisalis kembang mengharum  
Menghiasi di taman PUSMA  
Harumnya terserlah di setiap pelusuk  
Mekarmu bersama ranting-ranting kebanggaan  
Menelanjang kau berita-berita kejayaan  
Mekarmu menggoda ribuan pengguna  
PUSMA  
Kau berdiri tegak  
Di Bumi Minden  
Bersama sejula kemegahan  
Dalam arus kegigihan  
Di atas tulang-tulang empat kerat  
Dindingnya sebuah harapan  
Berusaha tanpa erti jemu  
Wajah tersenyum berkaca  
PUSMA  
Kini usiamu menjangkau 21 tahun  
Wajahmu bercahaya dimamah usia  
Memutik hati tawa kebanggaan  
Keriangan pada segala sudut rasa  
Pengguna tersenyum lebar  
Terpukau pada perubahan  
Para pekerja berganding bahu  
Dindingnya sebuah harapan  
Keringat yang mengalir  
Adalah sebutir Mutiara  
Pada setiap pengguna.*

## WAWANCARA

Encik Lim Chee Hong telah dilantik sebagai Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia pada 16 November 1990 selepas memangku jawatan itu lebih kurang setahun. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut aspirasi dan perancangan masa depan Perpustakaan, JENDELA telah sempat menemuramah beliau. Walaupun beliau terlalu sibuk, beliau sempat menemui dua wakil JENDELA untuk memberi satu wawancara singkat untuk JENDELA.

Jen: Encik Lim, tahniah atas perlantikan sebagai Ketua Pustakawan.

LCH: Terima kasih.

Jen: Encik Lim, apakah yang Encik Lim kehendaki untuk pembangunan masa depan Perpustakaan dan perkhidmatannya?

LCH: Saya ingin membentuk Perpustakaan ini sehingga menjadi sebuah Perpustakaan yang cemerlang dan menjadikannya yang terkemuka di negara ini mahupun di rantau Asia ini, mempunyai koleksi yang kaya dengan keilmiahannya agar dapat menampung dan membantu fungsi pengajaran dan penyelidikan Universiti ini. Saya juga ingin agar sumber-sumber Perpustakaan ini dapat disediakan untuk komuniti, membentuknya sehingga menjadi suatu tempat di mana orang ramai boleh datang untuk mendapatkan maklumat, iaitu sekiranya seseorang perlukan maklumat ia akan secara automatik teringatkan Perpustakaan ini sebagai sumber yang pertama. Saya juga inginkan Perpustakaan menggunakan sumber-sumber secara berkesan dan membentuk perhubungan untuk mewujudkan perkongsian sumber-sumber (*resource-sharing*) di antara Perpustakaan. Berhubung dengan kakitangan, saya ingin melihat dan menggalakkan *teamwork*, dan sopan santun di kalangan kakitangan. Ini penting kerana bersifat mesra dan bersopan santun akan membuat Perpustakaan lebih selesa kepada para pengguna, di samping mempraktikkan konsep *perkhidmatan dahulu sebelum diri sendiri*. Saya berkehendakkan kakitangan yang cekap, berdedikasi, bertanggungjawab dan terlatih. Saya ingin juga menggalakkan kemajuan kerjaya dan profesionalisme di kalangan kakitangan.

Jen: Encik Lim, bagaimanakah tuan akan memastikan kakitangan yang bagus, berdedikasi, bertanggungjawab dan terlatih?

LCH: Pada amnya, Perpustakaan ini mempunyai kakitangan teras yang bagus dan berdedikasi, tetapi ia tidak seharusnya berhenti setakat itu sahaja. Saya berharap dan menjangka lebih dari apa yang sedia ada. Perasaan bertanggungjawab boleh dipupuk, terutamanya melalui teladan dan juga dengan memberi galakan kepada individu dan juga melalui perhubungan terbuka dan berkesan. Saya berharap saya dipandang sebagai seorang yang senang didekati dan boleh ditemui dengan senangnya oleh mana-mana kakitangan Perpustakaan pada bila-bila masa pun. Saya juga ingin menggalakkan dan memberi peluang kepada kakitangan untuk dilatih dan memajukan diri dengan menghadiri persidangan, seminar dan latihan-latihan lain yang diadakan di Universiti Sains Malaysia mahupun di tempat-tempat lain. Kakitangan yang terlatih adalah perlu agar perkhidmatan Perpustakaan boleh dipertingkatkan lagi, dan dengan ini ia boleh melatih pengguna untuk menggunakan Perpustakaan dengan lebih berkesan lagi.

Jen: Apakah pandangan Encik Lim tentang kakitangan am yang ingin memajukan diri?

LCH: Sudah tentu saya menggalakkan mereka untuk memajukan diri, untuk meningkatkan taraf pendidikan mereka kerana ia akan menguntungkan mereka dalam jangka masa panjang. Saya akan sentiasa menyokong mereka dalam

bidang ini. Sekiranya ada latihan-latihan yang *relevant* kepada mereka, saya bersedia memberi sokongan dan bantuan.

Jen: Adakah apa-apa rancangan untuk menambahkan ruang Perpustakaan?

LCH: Ya, ada. Pihak Universiti telah meluluskan sebuah bangunan baru yang akan terletak berhadapan dengan Pusat Mahasiswa di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Luasnya adalah lebih kurang separuh daripada keluasan Perpustakaan sekarang. Besar kemungkinan ia akan dijadikan Perpustakaan Penyelidikan dan Pengajian Lanjutan (*Research and Advanced Studies Library*).

Jen: Dapatkah Encik Lim menggambarkan keadaan Encik Lim semasa menjadi Pemangku Ketua Pustakawan dan juga sebagai Timbalan Pustakawan?


LCH: Saya terpaksa bekerja dua kali ganda lebih kuat kerana memegang dua jawatan! Sudah tentu, kadang-kadang saya merasa cemas dan bimbang, tetapi saya merasa ia adalah tanggungjawab saya, jadi saya wajib berusaha bersungguh-sungguh dan dengan penuh kemampuan.

Jen: Menyentuh tentang perantikan Timbalan Pustakawan, bilakah agaknya perantikan ini akan dibuat?

LCH: Saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Tetapi sudah tentu saya berharap ia akan dibuat secepat mungkin kerana terlalu banyak kerja yang harus diselesaikan. Lanjutan kepada hal perantikan ini saya memang suka sekiranya jawatan ini boleh diisi oleh kakitangan Perpustakaan ini, kerana mereka lebih mengenali sistem pentadbiran Perpustakaan ini dan dapat memberikan kesinambungan kepada cita-cita dan falsafah Perpustakaan dan Universiti ini. Di samping itu dengan secara automatik akan terwujud peluang kenaikan pangkat untuk kakitangan lain kerana akan terwujud satu jawatan kosong lain.

Jen: Ada apa-apa yang Encik Lim ingin menyampaikan kepada pembaca-pembaca JENDELA?

LCH: Saya menghargai dan ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan atas segala sokongan dan bantuan yang diberi kepada saya semasa saya memangku jawatan Ketua Pustakawan dan sebelumnya. Saya berharap kakitangan akan terus memberi sokongan penuh kerana tidak harus ada perbezaan dalam bantuan dan sokongan yang diberi kini sebagai Ketua Pustakawan dan dahulu selama saya berkhidmat di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia ini. Terima kasih.



Nak berlagak? OK, cuba masalah ini:  
Tukun 106 439 872 234 610 kepada nombor perkhidmatan

# RENCANA

## BERSOPAN SANTUN AMALAN KITA SEMUA

oleh  
Amira H.

" Selamat pagi tuan."  
" Ada apa-apa yang boleh saya tolong."  
" Terima kasih."  
" Saya nak jumpa Encik Ali."

Demikianlah budi bahasa yang mulia yang menjadi adat ketimuran negara kita.

Yang mulia itu budi  
Yang indah itu bahasa

Bersopan dan bersantun itu amatlah penting pada kehidupan manusia. Di mana-mana pun atau pada bila-bila masa pun manusia menerima nilai ini sebagai suatu perkara yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan. Kehidupan yang bersopan santun akan melahirkan satu generasi manusia yang sempurna dan bertanggungjawab. Masing-masing akan menghormati antara satu dengan lain. Di kala itu tidak akan wujud soal status, pangkat, darjat keturunan, kekayaan mahupun rupa paras. Segala urusan baik di pejabat, di gedung-gedung perniagaan, industri-industri dan perkilangan, di tempat-tempat awam, di dalam majlis-majlis sosial dan keramaian; semuanya akan berjalan dengan lancar dan harmoni.

Pujangga Melayu pernah bermadah,

Orang berbudi kita berbahasa  
Orang memberi kita merasa

Pulau Pandan jauh ke tengah  
Gunung Daik bercabang tiga  
Hancur badan dikandung tanah  
Budi yang baik dikenang juga

Budi yang baik itu akan tetap dikenang juga. Hal ini kerana telah ada orang berkata,

Pisang Emas dibawa belayar  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati

Hutang budi takkan selesai dibalas hingga ke mati. Demikianlah betapa tinggi dan mulianya nilai budi dan bahasa kepada kehidupan manusia. Bagi meningkatkan lagi perkhidmatan Perpustakaan di mata pengguna, marilah kita semua melangkah ke hadapan menghidupkan suasana sopan santun di Perpustakaan, agar kempen " Bersopan Santun Amalan Mulia " yang sama-sama kita lancarkan pada satu masa dahulu akan sentiasa segar di dalam diri kita. Dan seterusnya akan tetap menjadi satu wadah kita ke arah berinteraksi dengan pengguna agar lebih harmoni lagi.

Mulia amalan kerana sopan  
Mulia kenalan kerana budi.

## KOMUNIKASI ANTARA KITA BAIK?

oleh  
Ramli Abdul Samad

Mungkin perhubungan dua manusia yang tidak mengenal batasan pangkat, kedudukan sosial, agama, pendidikan mahupun pendapatan dan seks merupakan satu perhubungan yang ideal. Agak sulit kita melihat perhubungan begitu di dunia ini. Namun kita sering mendengar ada seseorang hamba Tuhan itu mudah bergaul dan bermesra dengan seorang yang lain walaupun kedua-dua itu mempunyai latar belakang yang berlainan. Mereka menjalin perhubungan di atas dasar manusia itu, sama harkah dan martabatnya meskipun berbeza dari segi lain. Perhubungan ini mementingkan kemanusiaan semata-mata, tiada bermotif atau mempunyai niat seperti "Ada udang di sebalik batu". Alangkah seronok dapat menikmati secercah persahabatan demikian?

Tetapi realiti hidup kita tidak memungkinkan kita menikmati perhubungan ideal itu. Ada banyak faktor bagi menjelaskan keadaan ini. Misalnya, kehidupan sosial kita sudah menghadirkan satu susunan struktur, seakan-akan kita sudah terlanjur dengan hidup berbeza-beza, sudah menjadi satu perkara yang wajar, diterima oleh masyarakat. Mereka yang berfikiran kritis selalu menegur aspek ini sementara banyak pihak pula lebih condong mengesyorkan agar kewujudan perbezaan sosial itu harus diberi reformasi, maksudnya diubah secara perlahan-lahan demi menjamin keharmonian hidup.

Di tengah-tengah keadaan ini kita dapati pengaruh teknologi elektronik khususnya media elektronik. Sekali imbas banyak program yang ditunjukkan lebih cenderung ke arah satu orientasi hidup, iaitu hidup bergemerlapan. Hidup bergemerlapan menimbulkan satu keinginan kuat memiliki apa-apa yang diiklankan. Kita tidak dapat menafikan peranan sebaran am dan teknologi komunikasi dalam menjayakan dan mendokong hidup moden. Hampir semua masyarakat memiliki peti televisyen. Media maklumat ini akan menyebarkan pelbagai tuntutan "kemajuan" yang selalu condong ke arah menghidupkan dan memasarkan budaya memiliki barangan sehingga tiada hadnya.

Masyarakat bagaikan dihimbau hidup mengejar kemewahan. Kekayaan yang berlimpah seakan disamakan dengan ibadah atau mensakralkannya. Kemenangan hidup jadi hanya satu dan ukuran kemenangan hanya tunggal, iaitu kekayaan material tidak boleh dipisahkan lagi daripada kekuasaan atau daripada kehormatan sosial, bahkan daripada standard perilaku dan harga diri. Semua kita diajak mengikut hidup hiruk-pikuk. Kecenderungan ini bagi sesetengah pihak berpendapat boleh merosakkan dasar-dasar rohaniah dengan membawa kesan negatif memandang rendah kepada golongan yang terpinggir oleh cara hidup ini.

Dalam hidup begini yang pantas, ramai yang ketinggalan. Yang ketinggalan selalunya golongan terbesar sedangkan yang berjaya adalah segelintir. Kewujudan dua golongan, iaitu segelintir elit dan golongan banyak ada di mana-mana termasuk di tempat kerja kita.

Seperti dikatakan awal tadi perkara ini sudah diterima sesiapa saja. *Status quo* sudah wujud. Kata setengah orang *the establishment*. Dalam budaya kita ada pepatah "Pipit sama pipit, enggang sama enggang". Kita lihat manifestasinya di banyak tempat, khasnya di persekitaran kita, tempat kerja kita, semasa setiap majlis sosial, terpampang dua kelompok yang diperihalkan tadi. Kita tidak nampak apa-apa komunikasi bermakna di antara dua kelompok itu sekadar memberi pemerhatian kritis sedikit. Namun begitu kita akui ada sedikit sahaja di antara kita yang dapat menebus halangan-halangan psikologi itu. Mereka bolehlah dikatakan sama ada sudah luas pendedahan dari segi pengaulan, tidak lagi mementingkan kesedaran status sosialnya ataupun sememang suka bergaul dengan sesiapa saja (sudah tentu mengikut batasan-batasan).



Mungkin apa yang penting dari segi memelihara perhubungan manusia adalah manusia itu memerlukan bahawa mereka diperlukan. Keperluan ini bahkan lebih daripada keperluan makanan, pakaian dan rumah, meskipun mereka juga sangat memerlukan ini semua. Perasaan bahawa mereka tidak dihitng sebagai anggota keluarga di majlis sosial umpamanya itulah yang menyengsarakannya. Apatah lagi di majlis yang sepatutnya bersifat sosial kita dapati komunikasi antara dua kelompok tadi langsung tidak wujud, cuma acara *ritus* seperti mendengar ucapan dan makan minum saja yang berjalan.

Sememangnya amat susah untuk mengubah *status quo*. Perbezaan sosial tidak akan pernah habis, kerana hal itu merupakan potensi yang tumbuh alamiah. Tingkat kemampuan, keterampilan, kedudukan, kebesaran dan budaya masyarakat yang berbeza secara alamiah membentuk potensi perbezaan sosial itu. Tetapi jangan sampai dipertentangkan dan dimanipulasikan untuk tujuan deskruktif sehingga menimbulkan ketegangan sosial atau keterasingan sosial.

Mungkin masalah komunikasi di antara kita belum begitu tenat namun usaha-usaha ke arah memperbaiki lagi komunikasi harus dibuat oleh individu-individu sendiri. Kita sudah pasti boleh mengurangkan masalah ini apabila kita kurangkan ego kita, kita kurangkan *pride*, kita kurangkan pandangan pesimis dan melihat manusia itu sebagai sepatinya.

Di samping itu hormat-menghormati sesama kita harus diteruskan. Jika kita ikhlas, kita dikira sudah berjaya. Kerana jika menjalin komunikasi ikhlas akan terasa nikmat *suara hati adalah ukuran kejujuran paling dalam* mengalahkan komunikasi kita dengan alam atau dunia komputer.

JAWAPAN PERADUAN SILANG ANGKA Jendela Bil. 1 April 1990

	8	9	7	0	0		1	3	1		1	0	4	0	1					
2		1	7	1		6		3		5		2	4	2		1				
4			7			9		3		3			4			0				
6	9			1	7	7	4			3	4	4	3			4	0			
8	1	1	8		0	0	0			6	6	6			4	2	0	4		
	9		0			1	2			5	4				9		5			
8			0				0	5	7						7			4		
8		1	0	7	6	1		3		2	3	2	0	5				4		
7	0			9		4	3	5	3	4		5						9	7	
8		0	7	9	8	1		3		2	5	5	2	4					4	
8			6				1	5	7					2					4	
	5		7			1	0			2	5			2					0	
6	7	7	6			1	1	1		9	9	9			6	7	9	7		
0	5				2	1	2	0		9	5	0	0						0	3
0			8			2		2		9			5							3
6		7	8	7		7		2		5			3	5	3					1
	4	2	8	2	1			1	2	1			3	4	5	6	7			

\*\*\*\*\*  
 Tidak ada peserta yang berjaya meneka tepat seperti gambarajah di atas. Walau bagaimanapun panel pengadil memberi hadiah saguhati \$10.00 kepada Encik Goon Kuang Ok. Tahniah diucapkan.

# PERADUAN

## PERADUAN MENGUJI PENGETAHUAN ANDA SEMPENA TAHUN KE-21 PERPUSTAKAAN USM

1. Berapakah jumlah Pintu Kecemasan yang terdapat di Perpustakaan? Nyatakan di mana letak pintu-pintu itu.
2. Siapakah kakitangan Perpustakaan yang paling lama berkhidmat di Perpustakaan?
3. Nyatakan talian-talian rasmi yang digunakan oleh terminal di Kaunter Sirkulasi, terminal di Kaunter Simpanan Khas dan terminal Krisalis (untuk kegunaan pengguna umum)
4. Siapakah kakitangan Perpustakaan yang pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang?
5. Berapakah jumlah kesemua talian telefon yang terdapat di Perpustakaan? Nyatakan bahagian manakah yang mendapat banyak sekali talian.
6. Berapakah jumlah semua lelaki dan perempuan kakitangan Perpustakaan sekarang? Nyatakan bahagian yang terbanyak mempunyai kakitangan dan jumlahnya sekali.
7. Di manakah terletaknya Perpustakaan Cawangan Universiti Sains Malaysia yang pertama?
8. Bilakah Tabung Kemajuan Kerjaya Kakitangan Perpustakaan dilancarkan?
9. Berapa orangkah Pustakawan yang mempunyai kelulusan ijazah pertama dari Universiti Malaya?
10. Pada tahun 1974 sebuah Perpustakaan Cawangan Universiti Sains Malaysia ditubuhkan. Di manakah Perpustakaan tersebut?
11. Siapakah Pustakawan yang pertama mengendalikan Perpustakaan Cawangan Perubatan?
12. Apakah nama saintifik untuk buah cempedak?

13. Namakan dua binatang yang diberi perlindungan sepenuhnya (*Totally protected animals*), di bawah Akta 76, 1972, Jadual 1.
14. Namakan negeri-negeri Tanah Melayu Tak Bersekutu.
15. Apakah nama penuh perkhidmatan ERIC?
16. Berapakah bilangan kakitangan Perpustakaan yang bertaraf Pegawai?
17. Apakah cogankata Kempen Sopan Santun Perpustakaan yang memenangi tempat kedua.
18. Tahun bilakah Encik Lim Huck Tee bersara?
19. Bilakah tarikh perlanaran KRISALIS di Perpustakaan?
20. Bilakah ASTAKA ditubuhkan? (Sebutkan tarikh dan tahun yang tepat)

**HADIAH:** \$40.00 (Pertama sahaja)

**Syarat-syarat penyertaan:**

1. Penyertaan terbuka kepada semua kakitangan.
2. Sidang Pengarang JENDELA tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.
3. Setiap penyertaan mestilah disertakan bayaran sebanyak 30 sen.
4. Sekiranya lebih daripada seorang peneka yang berjaya, undian akan dijalankan.
5. Jika tidak ada peneka yang tepat, peserta yang paling hampir akan diberi hadiah saguhati.
6. Semua penyertaan hendaklah dihantar terus kepada:

**Jawatankuasa Peraduan Menguji Pengetahuan Anda**  
u/p : Amin Razip Hassan  
Bahagian Perkhidmatan  
Pembaca dan Pengembangan

Semua penyertaan mestilah sampai selewat-lewatnya pada 31 Januari 1991. Keputusan pengadil adalah muktamad.

## HAL-EHWAL KAKITANGAN

Kakitangan Ikhtisas dan Kerani Perpustakaan yang bertugas di kaunter telah berpeluang mendengar ceramah yang bertajuk *Komunikasi berkesan ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter* pada 11 dan 14 Mei 1990. Penceramah ialah Encik Husin Yahya dari Bahagian Latihan, Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia.

Zainab Abdul Kader telah menghadiri *international Conference on Islamic Civilisation* di Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur pada 25-30 Jun 1990.

Sakinah Che Embi telah menghadiri *Seminar Automated Data Processing* di Arkib Negara, Kuala Lumpur pada 16-19 Julai 1990.

Satu *program latihan untuk pegawai kumpulan D* telah dijalankan pada 22-25 Ogos 1990. Program ini melibatkan 17 orang peserta terdiri dari Pembantu Am Rendah, Juruteknik Rendah dan Kerani Rendah (termasuk dari Cawangan).

Satu sesi perbincangan tentang video *Awkward Readers* pada 28 Ogos 1990 telah melibatkan kakitangan ikhtisas Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan juga Perpustakaan lain di sekitar Pulau Pinang. Sesi ini dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Hj. Wan Halim Othman, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Encik Ong Chai Lin, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

Beberapa kakitangan Perpustakaan telah menghadiri ceramah tentang *Zakat dan Cukai Pendapatan* pada 11 Ogos 1990 dan *Tabung Haji* pada 7 September 1990. Penceramah-penceramah adalah dari Majlis Agama Islam Pulau Pinang serta Jabatan Hasil Dalam Negeri, dan Lembaga dan Urusan Tabung Haji Pulau Pinang.

Dua orang Penolong Pustakawan, iaitu **Nik Asmak Nik Idris** (Perpustakaan Perubatan, Kubang Kerian, Kelantan) dan **Ali Abdul Rahim** (Perpustakaan Kampus Cawangan Perak) telah menjalani latihan di semua bahagian di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dari 1 September hingga 31 Oktober 1990. Hashim Hassan (Kerani, Bahagian Bahan-bahan Bersiri) juga menjalani latihan dari 1-13 September 1990.

Kumpulan *Sinaran* (yang terdiri dari Mohd. Ismail Abu, Mohd. Idris Haji Ali, Kirubanathan Sundaraju, Teh Toh Seng, Zainol A. Karim, Mohd. Idris Syed Sulaiman dan Ahmad Saleh) telah mengambil bahagian dalam *Konvensyen ke-3 Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja* peringkat negeri Pulau Pinang. Konvensyen selama dua hari ini (6-7 September 1990) bertempat di Auditorium A, KOMTAR. Tajuk projek yang dipersembahkan ialah *Masalah keletihan berjalan jauh semasa proses peminjaman di Kaunter Simpanan Khas*. Kumpulan ini telah berjaya mendapat *Anugerah Perak*.

Pada 29 September 1990, Encik Andrew Matthews, seorang penulis, telah memberi ceramah bertajuk *Making friends: a guide to getting along with people*. Ceramahnya terbuka kepada semua kakitangan Perpustakaan dan seluruh masyarakat kampus Universiti Sains Malaysia.

Mary Vergis telah menghadiri *Advanced Level Training in CDS/ISIS* di Kuala Lumpur pada 2-3 Oktober 1990. Kursus ini telah dikendalikan oleh Pereka Perisian CDS/ISIS sendiri, iaitu Encik G. del Bagio daripada UNESCO di Paris, Perancis.

Noor Ida Yang Rashdi telah menghadiri *Bengkel Packaging Information* di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, pada 28-29 November 1990.


Salmah Mohd. Noor dan Masrah Hj. Abidin telah menghadiri *USM/IDRC Library and Information Centre Automation Regional Training Course*. Kursus ini telah berjalan selama lima minggu dari 12 November sehingga 15 Disember 1990 di Perpustakaan dan Biro COMBITS. Seramai 19 peserta dari negara-negara India, Bangladesh, Sri Lanka, China, Fiji, Filipina, Indonesia dan Vietnam juga turut hadir.

Abdul Rashid Zakaria, seorang pelajar Kursus Diploma Sains Perpustakaan di Institut Teknologi MARA telah menjalani latihan praktiknya di semua bahagian di Perpustakaan dari 4 Jun sehingga 1 September 1990.

### MENIMANG CAHAYA MATA

1. K. Kaliyappan	-	anak lelaki	28.06.1990
2. Zaiton Ahmad	-	anak lelaki	30.06.1990
3. Fazlina Mohamed Rouse	-	anak perempuan	15.07.1990
4. Faridah Shahiran	-	anak perempuan	11.10.1990
5. Mohd Yusoff Ismail	-	anak perempuan	28.10.1990
6. Masdin Hassan	-	anak perempuan	01.11.1990
7. Mohd Nasir Abu Hashim	-	anak perempuan	05.11.1990
8. Saad Darus	-	anak lelaki	10.11.1990
9. Amin Razip Hassan	-	anak lelaki	11.11.1990
10. Azahari Ali	-	anak lelaki	12.11.1990
11. Abd. Rashid Khan	-	anak lelaki	10.12.1990

Tahniah di atas kelahiran cahaya mata dan semoga akan bertambah bahagia hendaknya.



# SUMBER ILHAM

## SIKUBANG SINTANA

oleh  
Amira H.

Dia merangkak perlahan-lahan di celah rumpunan dedaun. Kaki belakangnya terkiat-kiat menimbang sekejap badan yang sudah menjangkau usia 150 tahun. Renungan matanya jelas memperlihatkan kehidupan lampau yang penuh dengan cabaran dan perjuangan. Kini langkahnya tak setangkas dulu lagi. Sesekali kakinya terpeleuk apabila terpijak batu pejal. Namun demikian dia tidak berputus asa terus menyusur hutan belukar itu.

Suasana di sekeliling sunyi sepi. Hanya kedengaran desiran air sungai mengalir di kuala; kampung yang telah banyak berjasa kepada keturunannya. Di situlah dia mula belajar hidup berdikari. Dan di situ jugalah dia mula memburu untuk hidup. Hidup mati semuanya di situ. Dia amat arif tentang semuanya ini. Dan mungkin kerana soal inilah juga dia sekarang jadi begini. Teringat dia pesan bondanya suatu petang tatkala dia masih setahun jagung.

"Sintana! Mari sini nak."

"Dengar baik-baik cakap ibu ni.."

"Si ibu mula berwasiat sebaik saja Sintana berada di sisinya."

"Di sinilah dunia nenek moyang kita."

"Hidup mati kita semuanya di sini."

"Pertahankanlah tempat ini, walaupun kau terpaksa korbakan nyawamu sendiri."

Wasiat yang mengiringi pemergian ibunya itu masih tergiang-giang di tengkorak kepalanya. Dan kini wasiat itu mula dicabar. Rasanya tak terdaya lagi untuk dia menegak mahkota wasiat suci itu. Kakinya makin lemah. Sengal-sengal masih menjalar di seluruh badan. Dia cuba mengembalikan tenaga, membuka langkah mara ke hadapan. Namun tenaga kejantannya telah lemah. Matanya berpinau-pinau. Dunia di sekeliling terasa berpusing. Berpusing-pusing dan terus berpusing. Serentak dengan itu darahnya bercempera naik ke otak. Sintana rebah terlentang di tengah-tengah belukar. Kakinya terkial-kial tercongkak ke langit.

Badannya mengeletar, mengedik-gedik dan meronta-ronta tak tentu hala. Ekornya membedal apa saja yang ada di sisi. Beberapa urat akar rumput dan semak samun terpelanting ke udara dek bedalan ekornya. Di raup wajah tua itu menampakkan kesakitan perit yang amat sangat. Sintana bergolek ke kanan, bergolek ke kiri. Sekejap ke sisi dan sekejap undur songsang ke belakang mengheret badan. Dia menghirup udara sebanyak mungkin untuk mengembalikan tenaga. Kemudian dengan sisa-sisa kekuatan yang masih ada, Sintana menerjah ke depan meneruskan langkah ke suatu tempat yang selamat bagi fikirannya. Belumpun sempat melangkah sehasta, kaki belakangnya terpeleuk lagi.

"Sial! Celaka!," hatinya menyumpah seranah.

"Orang kampung semuanya sial."

"Semuanya celaka."

"Celaka! Celaka! Celaka!"

dia merasakan yang hari ini dia seorang yang jaguh. Jaguh segala-galanya.

"Kalau aku dapat mereka itu akan aku patah-patahkan tengkuk mereka."

"Akan aku robek-rabakkan perut mereka. Biar terburai tali perut mereka semua."

" Sintana terus melempiaskan geramnya.

Air Bunga Tujuh Warna bercampur Pucuk Kelapa Muda dengan Sireh Pinang Anak Dara telah melemahkan segala kekuatannya. Air laknat itu telah merabut kebahagiaan yang dirasainya selama ini. Tiga orang anaknya telah menjadi korban air sial itu. Dan kini mungkin gilirannya pula. Dia begitu takut jika andaiannya itu benar-benar terjadi.

Sintana mulai rasa kecut perut apabila memikirkan soal kematian. Kematian yang selalu direjamkannya pada jasad si mangsa, kini kematian yang sama juga akan mengoyak rabak nafasnya. Dia merasakan sekarang seolah-olah seperti seekor tikus moyok yang sedang berhadapan dengan seekor kucing betina yang garang. Maut dirasainya makin hampir dengan batang tengkuknya.

" Mungkin inilah balasan bagi orang yang sentiasa membunuh seperti".

Hatinya mulai lembut. Dia mulai menyebut-nyebut nama Tuhan. Baru dia teringat nak buat baik. Nafas dah tersekat di halkum baru nak bertaubat. Walau bagaimanapun, banyak dia bertaubat, namun yang pastinya malakul-maut sedang memburunya. Tak dapat lagi nak dielak. Dia telah pun rasa akan bahang itu sejak rembang tengah hari tadi lagi.

Sintana membuka sedikit rahang mulut. Kelihatan barisan gigi-gigi tajam yang masih mampu membenam ke tubuh si mangsa. Dalam sakaratul-maut itu dia terkenang akan masa silamnya. Entah telah berapa banyak betina-betina kehilangan Si Jantan. Entah telah berapa banyak jantan-jantan kehilangan Si Betina dan entah telah berapa banyak anak-anak menjadi yatim piatu. Dia pun tak tahu nak hitung lagi. Paling akhir bulan sudah sewaktu musim sekolah cuti, sekumpulan budak-budak sekolah dari bandar gempar apabila dia mengamuk. Seorang dari mereka telah menjadi korbannya. Mungkin kerana dosa-dosa inilah, dia kini di ambang maut. Dia makin merasa bersalah. Dan kalau boleh sekarang juga dia nak pergi berjumpa dengan waris-waris mereka untuk meminta maaf. Biarlah rohnyanya tenteram apabila menemui Tuhan.

Langkah terus dihayunkan. Biar pun dia merangkak-rangkak, biar pun dia mengheret-heret, namun untuk mengalah tidak sekali. Dia tidak sebegitu mudah menyerahkan batang tubuhnya kepada orang kampung yang sudah tentu tidak akan memaafkannya kali ini. Atas kedegilan itulah dia sehingga kini masih mampu bertahan. Dan inilah juga satu-satunya keistimewaan kaumnya. Dia akan cuba sedaya upaya mempertahankan ini semua. Bersama ekornya yang meleret-leret Sintana menyelinap masuk ke dalam rumpunan buluh, kemudian diam seketika.

Hari kian senja membawa lari bersama kebahagiaan Sikubang Sintana. Suara cengkerik dan katak mengaung seperti mengejek-ejeknya. Dia terus mematikan diri di situ. Biarkan kepekatan malam datang menyapu segala bencana sial yang dialaminya sekarang. Dia begitu mengharapkan semuanya ini akan berakhir.

Tiba-tiba dalam kekakuan itu terdengar ranting-ranting dahan dirempuh sesuatu. Serentak dengan itu diiringi suara manusia bercampur-baur datang dari suatu arah. Suara-suara itu makin jelas kedengaran. Kemudian dalam cahaya api yang datang dari beberapa orang, Sintana nampak sekumpulan penduduk kampung riuh-rendah menyelak-nyelak daun dan menebas semak-samun. Mereka sedang mencarinya. Mereka sedang memburunya. Beberapa orang dari mereka bersenjatakan parang panjang dan ada juga memegang lembing. Mereka semua nampaknya cukup bersedia untuk membunuhnya. Dia rasa takut kembali. Darahnya jadi gemuruh.

" Matilah aku kali ini," hatinya bersuara.

Dia hanya terdaya mengeliat-ngelit kecil menahan kesakitan. Biarkan jangan ada sesuatu hal yang mungkin akan mendatangkan syak wasangka pada manusia-manusia itu.

" Kalau ada sesuatu penghuni belukar di sini membuat hal, tentu orang kampung akan dapat melihatnya".

" Mereka tentu akan menangkapnya."

" Dan dia tak akan dapat melarikan diri lagi." bi ik hati kecilnya dengan penuh bimbang.

Dia sungguh bimbang kalau hal ini terjadi. Walaupun telah separuh nyawanya hilang, namun Sintana masih berusaha dan menaruh harapan akan dapat melepaskan diri daripada buruan manusia-manusia keparat itu. Telah dua kali dia terlepas daripada buruan orang kampung. Dan kali ini juga mereka tetap tidak akan dapat mengesannya Sementelah pula dia memanglah terkenal dengan kelincahan dan kepintaran berbuat demikian. Hinggakan orang kampung menyangka dia makhluk jadi-jadian. Dan ada setengahnya pula menyangka dia Tok Keramat. Sintana sungguh bangga di atas hal ini. Dia terus mengorak langkah perlahan-lahan menyelinap masuk di celah-celah rumpun buluh. Dia berjuang sekuat tenaga untuk lari dari kawasan maut itu. Tak penting sekarang soal kampung halaman. Tak timbul sekarang tentang wasiat aruah ibunya dahulu. Yang difikirkannya sekarang ialah lari menyelamatkan diri dari buruan orang kampung.

" Ah! dah tak ada di sini," seorang dari mereka bersuara. "Dia dah dapat larikan diri,"sambungnyalagi kemudin memerintah kawan-kawan lain menyusur ke arah selatan.

Kumpulan manusia itu kemudian beredar dari situ dan perlahan-lahan hilang ditelan kepekatan malam.

Sintana terus menyelinap di celah-celah rumpun buluh yang sedia menghala ke utara. Dia lebih berhati-hati. Harapannya untuk lari cari daerah sial ini akan lebih menyerlah, andaikata dia dapat bergerak lebih jauh ke tengah-tengah hutan buluh itu.

Sementara malam makin menyendiri. Hujan mulai turun renyai-renyai membasahi di sekeliling. Dalam cahaya bulan malap, dia kelihatan berada di tengah-tengah kegagalan rumpunan buluh. Secepat memburu dia menyelinap menembusi celah-celah perdu buluh. Dari satu rumpun buluh ke satu rumpun buluh yang lain. Dari satu lapis ke satu lapis yang lain dia lolos. Sungguh tangkas dia menyelinap. Sekejab mengiring ke kiri dan sekejab mengiring ke kanan. Pergerakannya memperlihatkan kejagohnya masa lampau. Dia memerah segala tenaga yang mungkin dan menyelinap masuk di tengah-tengah hutan belukar itu.

Tiba-tiba entah macam mana dia tersilap langkah. Kaki kanannya terpelut. Sintana tersungkur di perdu rumpunan buluh. Badannya tercepit antara perdu tersebut. Dia meronta-ronta sekuat tenaga untuk melepaskan badannya. Namun makin kuat dia meronta, makin tercepit badannya. Dia makin lemah. Ekornya tergodek-godek terjantai ke tanah. Lidahnya mulai berair kembali. Makin lama, lidahnya makin panjang terjantai dari rahang mulut. Terkunyup-kanyap perutnya kembang-kempis menahan kekejangan. Nafasnya kian turun naik dan sesekali tersekat-sekat. Sintana ternyata sudah lemah tak bertenaga lagi. Sedikit-sedikit badannya kaku...aku dan terus kaku... akhirnya beku.

Di kejauhan malam itu, alam menyaksikan kematian seorang penghuni berkubur di tengah-tengah hutan buluh.

Keesokan pagi, orang kampung semuanya riuh. Berita bangkai Sikumbang Sintana dijumpai orang tercepit di perdu buluh tersebar dengan luas. Orang kampung semuanya dah tahu...Orang kampung semuanya dah tahu...Bangkai Sintana kaku seperti batu.



## MUNGKIN AKU CUBA, MANA TAHU?

"Penyiasat" seorang berbaju hujan warna hitam memperkenalkan dirinya, sambil menunjukkan sekeping kad.

"Saya ingin bertanya sedikit".

"Alamak!" terkejut Shila.

"Masuk dulu. Encik tanggalkan baju hujan itu dulu".

"Oh ya!" Si penyiasat itu menjawab, lalu menggantungkan baju hujannya pada penyangkut di dinding bilik itu.

Perempuan itu menuju ke ruangan berhampiran dapurnya dan menunjukkan sebuah kerusi.

"Terima kasih", katanya.

Ia duduk lalu memandang sekeliling bilik. Ia juga mendongak pada siling. Kemudian ia melihat wajah perempuan itu. Ia sedar Shila mempunyai potensi dalam dunia perfileman.

"Baik, saya terus terang saja. Saudari tahu tak Zulina Kamira?"

"Ehm... tak?" Nada jawapan seakan-akan berpura-pura.

Si penyiasat itu mengeluarkan sebuah beg dari sakunya sambil menunjukkan sekeping gambar pada Shila, gambar Zulina Kamira. Zulina Kamira mempunyai tubuh badan yang menggiurkan untuk tatapan masyarakat buat masa ini..

"Gambar ini tidak bererti pada saudari?"

"Tak ada".

"Dan saudari tak pernah dengar nama Zulina Kamira pun?"

"Tidak..." Selamba saja suaranya.

"Betul?" Si penyiasat memastikan lagi pertanyaan.

"Ya".

"Baik", kata si penyiasat itu, "itu saja".

"Apa hal ini?" Shila bertanya. Shila sememangnya seorang perempuan lugu.

"Releks", beliau berkata sambil menyimpan semula gambar itu.

"Saya tidak boleh cerita lebih dari ini".

"Jadi tak payahlah cerita", jawab si perempuan itu.

"Ya, saya tak akan", beliau ketawa.

Kelihatan sesuatu yang berani dari muka orang lelaki ini walaupun ia nampaknya seperti seorang yang baik. Beliau menepuk kerusi dan berkata:

"Ah nampaknya kena hujan semula".

"Nampaknya begitulah" Shila berkata.

Ia melihat ke tingkat kaca di mana tempias kelihatan.

"Atau encik nak minum kopi dulu?"

"Boleh juga". Si penyiasat itu menyambut perlawanan Shila.

Shila menuangkan air kopi dan menghidangkan biskut dalam sebuah piring kaca.

"Terima kasih". Beliau minum dan sambil itu matanya menjalar di ruangan bilik perempuan itu sekali lagi.

"Apakah saudari tinggal di tempat buruk ini?" ia memulakan perbualan semula.

"Apa kata encik?"

"Buruk", katanya, "Gelap. Lihat dinding sana itu".

"Ha!" jerit Shila, "Saya ingat awak maksudkan di dalam bilik tidur. Saya dah mula tersinggung".

Ia mengunyah biskut dan masih melihat sekeliling.

"Lihat perabot ini". Ia meneruskan lagi, "nasib baik boleh tahan lagi".

"Terima kasih", kata Shila. "Tak menyenangkan awak ke?"

"Tapi dengar dulu", Si penyiasat berkata, meletakkan cawan kopi di atas meja.

"Saudari cantik sungguh, sehingga saya rasa yang saudari tidak seharusnya tinggal di sini".

Shila kelihatan bingung. "Maksud encik saya mesti tinggal di istana eh?"

"Bukan sampai begitu, tapi dalam sebuah villa misalnya".

Kedua lengannya memberi gerakan isyarat.

"Ada halaman, sebuah kolam mandi, sebuah taman ros, saya boleh bayangkan".

"Baiklah". Shila mengejek, "Kalau encik boleh ganti seperti yang encik mimpikan saya sudi meninggalkan flat buruk ini".

"Berapa saudari bayar sewanya?"

"Encik ni menyebu aja", Shila sindir, tetapi menyebu kan harga sewa flatnya.

"Itu tidak seberapa", si penyiasat berkata, "Saudari tidak sepatut tinggal di sini. Saudari buat apa? Saudari tinggal seorang bukan?"

Shila sudah mula merasa bosan menjawab soalan-soalan itu.

"Saya kerja punch-kad operator".

"Saudari sepatutnya jadi bintang filem".

Shila gelak ketawa. "Encik tahu apa sebenarnya saya harus buat dan apa yang seharusnya tidak bukan?"

"Saya faham". Si penyiasat itu berkata. Ia bangkit. "Ya, fikir tentang itu. Saya rasa saudari cuba jenguk di filem studio dulu sebelum melangkah masuk ke alam perfileman".

Shila tidak berkata apa-apa pun. Shila tergamam.

"Cik Shila", si penyiasat berkata, "terima kasih air kopi dan jumpa saudari di layar perak nanti".

Ia terus ke pintu keluar mencapai baju hujan dan mengenakan pada badannya dan terus keluar. Shila melihat si penyiasat itu melalui tingkap biliknya. Hujan sudah mulai berhenti. Sebelum masuk ke kereta ia melihat ke tingkap Shila. Ia memberi satu senyuman, menggerakkan satu aksi seperti seorang sedang membidik kamera lama.

"Gila", Shila bercakap sendirian.

Ia tunggu sebelum kereta itu hilang dari pandangannya. Kemudian ia ke bilik air. Sejam dari itu pula ia masih melihat lagi di cermin bilik airnya. Pertanyaan mula mengubernya.

"Tak cuba mana tahu?" Lagipun ia selalu membaca majalah-majalah tentang superstar tempatan yang banyak bermunculan kini.

## BERITA ASTAKA

Pada 8 Disember 1990, satu Mesyuarat Agung ASTAKA yang ke-12 telah diadakan. Seramai lebih kurang 170 ahli telah hadir. Beberapa perkara telah dibincangkan termasuk Perlembagaan ASTAKA, Majlis Makan Malam, Sukan dan Pemilihan Jawatankuasa baru ASTAKA.

Antara yang telah dipilih adalah seperti berikut:

- |   |   |                        |
|---|---|------------------------|
| 1. Presiden                             | : | Hj. Zainab Abd. Kader  |
| 2. Naib Presiden                        | : | Mohd Pisol Ghadzali    |
| 3. Setiausaha                           | : | Aznan Omar             |
| 4. Penolong Setiausaha                  | : | Mariah Yusof           |
| 5. Setiausaha Sosial                    | : | Mohd Idris Hj. Ali     |
| 6. Penolong Setiausaha Sosial           | : | Zulkifli Hashim        |
| 7. Setiausaha Sukan                     | : | Nor Adzam Baba         |
| 8. Penolong Setiausaha Sukan            | : | Omar Charkim           |
| 9. Setiausaha Kebajikan                 | : | Abdul Basheer Abdullah |
| 10. Wakil Ikhtisas                      | : | Fawzia Dawood          |
| 11. Wakil Kerani/Jurutrengkas           | : | Mohd Yusof Othman      |
| 12. Wakil Pembantu Am Rendah            | : | Mohd Yusof Ismail      |
| 13. Wakil Jurutaip/Operator Teleprinter | : | Rahmah Baharom         |

### Aktiviti-aktiviti Sosial ASTAKA

Beberapa aktiviti ASTAKA telah dijalankan sepanjang bulan Mei sehingga Disember 1990; antaranya ialah lawatan ke Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian/ Terengganu/Kuala Lumpur dari 23-26 Jun 1990. Seramai 22 orang ahli ASTAKA telah turut serta.

Satu perkelahan/Sukanika Tahunan Keluarga ASTAKA telah diadakan di Tanjung Bungah pada 2 September 1990. Seramai 120 orang ahli serta keluarga telah turut hadir. Pada 21 September 1990 satu Majlis Perpisahan serta meraikan kakitangan baru telah diadakan untuk Sze Too Yu Tit yang telah meletak jawatan dan untuk Nik Asmak Nik Idris, Hashim Hassan, Ali Abd Rahman dan Aziz Deraman yang baru masuk berkhidmat dengan Perpustakaan.

ASTAKA juga telah sempat mengumpul wang sejumlah \$102.50 untuk tabung *Teleton*.

ASTAKA juga telah memberi sumbangan atas kelahiran anak ahli-ahli ASTAKA. Mereka terdiri daripada

- |                          |                       |
|--------------------------|-----------------------|
| 1. Zaiton Ahmad          | 5. Mohd Yusoff Ismail |
| 2. Fazlina Mohamed Rouse | 6. Saad Darus         |
| 3. Mohd Nasir Abu Hashim | 7. Faridah Shahiran   |
| 4. Masdin Hassan         | 8. Abd Rashid Khan    |

### Kejohanan Sukan Tahunan ASTAKA

Beberapa acara sukan tahunan ASTAKA telah diadakan. Sambutan ahli-ahli ASTAKA amatlah menggalakkan. Semua pertandingan ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan A dan B. Antara acara-acara yang dipertandingan ialah bola sepak, sepak takraw, bola tampar, badminton, bola jaring, karem dan congkak. Keputusan sepenuhnya adalah seperti berikut:

- |                 |   |                  |
|-----------------|---|------------------|
| 1. Bolasepak    | - | juara kumpulan A |
| 2. Sepak takraw | - | juara kumpulan B |
| 3. Bola tampar  | - | juara kumpulan A |
| 4. Badminton    | - | juara kumpulan B |
| 5. Bola jaring  | - | juara kumpulan A |
| 6. Karem        | - | juara kumpulan A |


Juara keseluruhan dimenangi oleh kumpulan A.

OF HAND-DRYERS AND FACE DRYERS...



**SELAMAT  
TAHUN BARU  
1991**

**KEPADA**



**SEMUA  
PEMBACA**


**JENDELA**

daripada

**SIDANG PENGARANG**


**UCAPAN  
SELAMAT TAHUN BARU  
1991**

**KEPADA SEMUA  
KAKITANGAN  
PERPUSTAKAAN**



daripada  
**LIM CHEE HONG**


**SEMAGA  
TAHUN BARU  
1991  
MEMBAWA  
RAHMAT  
KEPADA SEMUA**



dengan ingatan  
tulus ikhlas

**ZAINAB ABD. KADER  
& SEKELUARGA**


**SELAMAT  
TAHUN  
BARU 1991  
DIUCAPKAN  
KEPADA  
SEMUA  
KAKITANGAN  
[PERPUSTAKAAN]**



daripada

**WONG SOOK JEAN**

KAKITANGAN  
BAHAGIAN  
RUJUKAN





mengucapkan

SELAMAT  
MENYAMBUT  
TAHUN  
BARU

kepada semua  
KAKITANGAN  
PERPUSTAKAAN

SELAMAT  
MENYAMBUT  
TAHUN BARU

1991



daripada

YEOH HOONG KHENG



MAY 1991  
BRING YOU ALL  
MORE LUCK

&  
\$ \$\$ \$





BEST WISHES  
FOR THE  
NEW YEAR

from

Fawzia  
Noorizan  
Kapeeah

SELAMAT  
TAHUA  
BARU

1991



UGAPAN


DARIPADA SEMUA

KAKTANGAN

PERPUSTAKAAN

KAMPUS

CAWANGAN PERAK



UCAPAN  
SELAMAT  
TAHUN BARU  
1991



KEPADA  
SEMUA  
KAKITANGAN  
PERPUSTAKAAN

daripada  
Chang Siw Lai

KEPADA SEMUA  
KAKITANGAN  
PERPUSTAKAAN



SELAMAT  
TAHUN  
BARU 1991

daripada  
PANG SIAM CHOONG  
DAN KELUARGA


**SELAMAT  
MENYAMBUT  
TAHUN BARU**



daripada  
**TANG WAN FONG**

**SELAMAT  
MENYAMBUT  
TAHUN BARU  
1991**

**PANJANG UMUR  
MURAH REZEKI  
daripada  
HAJJAH SALMAH**




**Penerbit USM**

Mengucapkan Selamat  
Tahun Baru

1991

**HAPPY  
40 CARATS**  
to my  
**Dearest  
BELOVED**

on  
**25.12.90**



Saya mengucapkan  
ribuan terima kasih  
kepada semua pihak  
di atas sumbangan  
yang dihulurkan  
sempena kelahiran  
anak saya



**SAAD DARUS (BPT)**

